



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 34  
No. 19

**13hb September 1990**

*TAMBAHAN No. 54*  
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 289.**

**AKTA TUGAS-TUGAS MENTERI 1969**

**PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN  
(PINDAAN) 1990**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 2 Akta Tugas-Tugas Menteri 1969, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) 1990** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada tarikh-tarikh yang dinyatakan di dalam subperenggan (2) dan (3). Nama dan mula berkuatkuasa.

(2) Perenggan 2 (a) dan (b) hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 8hb Mac 1990.

(3) Perenggan 2 (c) hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 15hb Mac 1990.

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 1990 adalah dipinda— Pindaan Jadual, P.U. (A) 63/90.

(a) berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri dengan menggantikan perkataan-perkataan "Drs Suleiman bin Mohamed" dengan perkataan-perkataan "Dato' Drs Suleiman bin Mohamed";

(b) in respect of the Ministry of Housing and Local Government, by substituting for the words "Encik Lee Kim Sai" the words "Dato' Lee Kim Sai";

(c) in respect of the Ministry of Labour—

(i) by substituting for the words "Minister of Labour" and "Deputy Minister of Labour" under the *Styles and Titles* column the words "Minister of Human Resources" and "Deputy Minister of Human Resources" respectively; and

(ii) by substituting for the words "Ministry of Labour" under the *Department* column the words "Ministry of Human Resources".

Made the 16th August 1990.

[PM. (S) 11456/13 Jld. 7; PN. (PU<sup>2</sup>) 18 Pt. IX.]

By Command,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Secretary to the Cabinet*

## P.U. (A) 290.

### AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968

#### PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (AKTA PEMBERIPINJAM WANG) 1990

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15 Akta Penyemakan Undang-Undang 1968, Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, dengan ini membuat Perintah yang berikut: Akta 1.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penyemakan Undang-Undang (Akta Pemberipinjam Wang) 1990** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 14hb Disember 1989. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 2A Akta Pemberipinjam Wang 1951 adalah dengan ini dibetulkan dengan menggantikan perkataan "*(Omitted)*" yang terdapat di subseksyen (1) (g) dengan perkataan-perkataan "any licensed finance company as defined in section 2 (1) of the Banking and Financial Institutions Act 1989". Pembetulan. Akta 400.

Diperbuat pada 28hb Ogos 1990.

[P.N. (SU<sup>2</sup>) 258; PN. (PU<sup>2</sup>) 231.]

PROFESSOR DATO' DR VISU SINNADURAI,  
*Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang*

## REVISION OF LAWS ACT 1968

## REVISION OF LAWS (MONEYLENDERS ACT) ORDER 1990

*Act 1.* IN exercise of the powers conferred by section 15 of the Revision of Laws Act 1968, the Commissioner of Law Revision, hereby makes the following Order:

*Citation and effective date.* 1. This Order may be cited as the **Revision of Laws (Moneylenders Act) Order 1990** and shall be deemed to have come into force on the 14th December 1989.

*Rectification of Act 400.*  
*Act 372.* 2. Section 2A of the Moneylenders Act 1951 is hereby rectified by substituting the words 'any licensed finance company as defined in section 2 (1) of the Banking and Financial Institutions Act 1989' for the word "(Omitted)" appearing in subsection (1) (g).

Made the 28th August 1990.  
[P.N. (SU<sup>2</sup>) 258; P.N. (PU<sup>2</sup>) 231.]

PROFESSOR DATO' DR VISU SINNADURAI,  
*Commissioner of Law Revision*

## P.U. (A) 291.

## AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

## PERINTAH PENGGALAKAN PELABURAN (AKTIVITI DAN KELUARAN DIGALAKKAN) (PINDAAN) (No. 12) 1990

*Akta 327.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 4 (1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Menteri membuat perintah yang berikut:

*Nama dan mula berkuatkuasa.* 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti dan Keluaran Digalakkan) (Pindaan) (No. 12) 1990** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 9hb Jun 1990.

*Pindaan Jadual. P.U. (A) 391/86.* 2. Jadual kepada Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti dan Keluaran Digalakkan) 1986 adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja butiran (11) di bawah ruang "*Keluaran/Aktiviti*" yang terdapat bersetentangan dengan butiran XVI di bawah ruang "*Industri*" butiran baru yang berikut:

"(12) Penstoran, pengolahan atau pelupusan buangan terjadual sebagaimana yang ditakrifkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 yang dijalankan di suatu kemudahan bersepadu bagi penstoran, pengolahan dan pelupusan".

Dibuat pada 10hb Ogos 1990.  
[T & I (ID) O. 13/C/M/10/2; PN. (PU<sup>2</sup>) 451.]

DATO' SERI RAFIDAH AZIZ,  
*Menteri Perdagangan dan Perindustrian*